

NAMA: \_\_\_\_\_

Tahun: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**PERIBAHASA: BIDALAN**

**Latihan 2: Isi tempat kosong dengan bidalan yang sesuai.**

berani berjual, berani membeli	biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian	berfikir sebelum berkata, berunding sebelum membuat
berbilang dari esa, mengaji dari alif	adat periuk berkerak, adat lesung berbedak	biar mati anak, jangan mati adat

1. Banyak adat istiadat lama masih diamalkan oleh masyarakat kini kerana mereka percaya bahawa \_\_\_\_\_.
2. "Sebarang keputusan yang kamu ambil akan mempengaruhi masa depanmu. Oleh itu, usah terburu-buru membuat keputusan kerana \_\_\_\_\_," kata ayah kepada kakak.
3. "Jika hendak belajar bermain sukan badminton hendaklah mengetahui peraturannya terlebih dahulu, kerana belajar itu \_\_\_\_\_," kata guru pendidikan jasmani itu kepada murid-muridnya.
4. Safwan \_\_\_\_\_ dengan mencabar Rui Zhe dalam perlawanan catur walaupun dia tahu jika kalah dia akan tersingkir untuk memasuki peringkat akhir.

5. Haji Ismail dan keluarganya gigih berusaha untuk menjadikan syarikat ternakan ayam mereka berjaya kerana mereka sedar bahawa \_\_\_\_\_.
  
6. “Saya tidak kesah jika kita perlu bertekak lidah dalam mesyuarat ini asalkan membuahkan hasil yang memuaskan kerana \_\_\_\_\_. Perkara ini amat serius kerana melibatkan nama baik kampung kita,” tegas Pak Samad.